

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [PULAI]

TARIKH : 17 JUN 2015 (RABU)

SOALAN :

Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan status pelantikan Ketua Saintis Data Negara yang pernah diumumkan Perdana Menteri tahun lalu.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) bersama Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) sedang menyediakan maklumat pembangunan struktur tadbir urus, fungsi tugas serta terma rujukan bagi Ketua Saintis Data Negara untuk pertimbangan awal Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Kementerian menerusi MDeC juga sedang mengkaji beberapa buah model seperti yang telah dilaksanakan di Singapura, United Kingdom dan

Amerika Syarikat serta berbincang dengan pakar-pakar antarabangsa dalam membangunkan terma rujukan dan fungsi tugas Ketua Data Saintis Negara untuk disesuaikan dengan aspirasi dan keperluan negara. Kementerian juga akan mendapatkan pandangan dan input daripada pihak-pihak lain yang berkepentingan agar dapat maklumat yang komprehensif bagi membantu dalam membuat keputusan sebelum dikemukakan untuk pertimbangan pihak Kerajaan.

Pelantikan Ketua Saintis Data Negara akan dibuat oleh Kerajaan selepas meneliti kajian dan cadangan yang dikemukakan serta memperoleh kelulusan daripada pihak Kerajaan.